



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 739

AKTA PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA 2012

Tarikh Perkenan Diraja ... 30 Januari 2012

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 9 Februari 2012

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 739****AKTA PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA 2012**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**PERBADANAN**

3. Penubuhan Perbadanan
4. Meterai perbadanan
5. Keanggotaan Perbadanan
6. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
7. Jadual
8. Kelulusan untuk memegang jawatan lain
9. Tempoh jawatan
10. Saraan dan elaun
11. Subsidi, pemberian, kemudahan, dsb., bagi anggota Perbadanan
12. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
13. Pengosongan jawatan
14. Jawatankuasa
15. Penzahiran kepentingan
16. Seksyen yang tidak terpakai bagi Ketua Pegawai Eksekutif

BAHAGIAN III**FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN**

Seksyen

17. Fungsi Perbadanan
18. Kuasa Perbadanan
19. Fungsi dan kuasa tambahan Perbadanan
20. Pewakilan fungsi dan kuasa Perbadanan
21. Arahan oleh Menteri
22. Penyata, laporan, akaun dan maklumat
23. Perbadanan boleh menubuhkan dan terlibat dalam pertubuhan perbadanan

BAHAGIAN IV**PEKERJA PERBADANAN**

24. Ketua Pegawai Eksekutif
25. Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif
26. Pelantikan pekerja Perbadanan
27. Syarat perkhidmatan, kelakuan dan tata tertib
28. Bantuan kewangan untuk pekerja dan orang lain
29. Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

BAHAGIAN V**PEMBANGUNAN PRIMA DAN KOMPLEKS PRIMA**

30. Majlis Penasihat PRIMA
31. Tanggungjawab Perbadanan
32. Kriteria berhubung dengan orang yang layak
33. Penguntukan kediaman PRIMA kepada orang yang layak
34. Kelayakan untuk menyertai pembangunan PRIMA
35. Arahan oleh Perbadanan

BAHAGIAN VI

PENYELARASAN DENGAN ENTITI KERAJAAN

Seksyen

36. Agensi penyelaras utama
37. Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan
38. Perkiraan dengan Entiti Kerajaan
39. Tanggungjawab Entiti Kerajaan

BAHAGIAN VII

KEWANGAN

40. Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia
41. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia
42. Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak
43. Pemeliharaan Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia
44. Akaun bank
45. Kuasa untuk meminjam
46. Pelaburan
47. Batasan kontrak
48. Tatacara kewangan
49. Tahun kewangan
50. Akaun dan laporan

BAHAGIAN VIII

HAK UNTUK MEMBELI SEMULA KEDIAMAN PR1MA

51. Hak untuk membeli semula kediaman PR1MA oleh Perbadanan
52. Tatacara yang berhubungan dengan hak untuk membeli semula
53. Pemindahan hakmilik atau peletakhkan pemunyaan pada Perbadanan
54. Penentuan dan pembayaran harga pembelian semula
55. Mengambil milikan kediaman PR1MA yang dibeli semula

BAHAGIAN IX**TRIBUNAL RAYUAN**

Seksyen

56. Penubuhan Tribunal Rayuan
57. Keanggotaan Tribunal Rayuan
58. Elaun
59. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan
60. Pengosongan jawatan dan pelantikan sementara
61. Penzahiran kepentingan berhubung dengan anggota Tribunal Rayuan
62. Setiausaha kepada Tribunal Rayuan dan pegawai lain
63. Rayuan kepada Tribunal Rayuan
64. Rekod keputusan atau arahan Perbadanan
65. Komposisi Tribunal Rayuan
66. Persidangan Tribunal Rayuan
67. Penggantungan keputusan atau arahan sementara menanti rayuan

BAHAGIAN X**AM**

68. Daftar
69. Sekatan ke atas penggunaan simbol atau lambang Perbadanan
70. Kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Perbadanan
71. Pendakwaan
72. Pekhidmat awam
73. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang
74. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
75. Obligasi kerahsiaan
76. Pewakilan dalam prosiding sivil
77. Kuasa Menteri untuk menetapkan peraturan-peraturan
78. Kuasa Perbadanan untuk menetapkan kaedah-kaedah
79. Penalti bagi peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah
80. Kuasa Menteri untuk meminda Jadual
81. Benda yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 739

AKTA PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA 2012

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi dan untuk mengawal selia perkara-perkara yang berhubungan dengan pembangunan dan pembinaan kediaman perumahan, infrastruktur dan kemudahan di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia, untuk memperkatakan keperluan bagi perumahan mampan dan kehidupan berkomuniti di kawasan bandar di Malaysia ke arah mewujudkan model pembangunan perumahan sosio-ekonomi yang strategik, untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan—

- (a) bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia;
- (b) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan atau Bahagian-Bahagian yang berlainan dalam Akta ini; dan

- (c) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan atau Bahagian-Bahagian yang berlainan dalam Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ditetapkan” ertinya—

- (a) ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan; atau
- (b) ditetapkan oleh Perbadanan melalui kaedah-kaedah,

mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Entiti Kerajaan” termasuklah—

- (a) Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan yang berkaitan; dan
- (b) kementerian, jabatan, pejabat, agensi, perbadanan, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang berkaitan bagi Kerajaan Persekutuan, atau mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis atau selainnya;

“jawatankuasa” ertinya mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah seksyen 14;

“Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 37;

“kediaman perumahan” termasuklah mana-mana bangunan, tenemen atau mesuaj yang keseluruhannya atau sebahagian utamanya dibina, disesuaikan atau diniatkan bagi kediaman manusia atau sebagianya bagi kediaman manusia dan sebagianya bagi premis perniagaan dan apa-apa jenis tempat tinggal lain yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi perumahan dan kerajaan tempatan, dari semasa ke semasa sebagai rumah tempat tinggal menurut seksyen 3A Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118];

“kediaman Perumahan Rakyat 1Malaysia” atau “kediaman PR1MA” ertinya kediaman perumahan yang dibina mengikut kualiti, kehendak, spesifikasi dan standard yang ditetapkan di bawah Akta ini;

“Kelulusan” ertinya lesen, permit, pendaftaran dan kelulusan lain termasuklah yang berkaitan dengan tanah, cukai, duti kastam dan eksais dan insentif fiskal lain, yang dikehendaki bagi atau berkaitan dengan pelaburan dalam pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA;

“kemudahan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

“kerja pembinaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [*Akta 520*];

“keselesaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

“Ketua Menteri” ertinya—

- (a) Ketua Menteri Pulau Pinang;
- (b) Ketua Menteri Melaka;
- (c) Ketua Menteri Sabah; atau
- (d) Ketua Menteri Sarawak,

mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 24(1), dan termasuklah pekerja Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 25 untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif;

“kompleks Perumahan Rakyat 1Malaysia” atau “kompleks PR1MA” ertinya kediaman PR1MA termasuklah keselesaan, kemudahan dan infrastruktur lain di dalam kawasan kediaman PR1MA itu;

“Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 42;

“Kumpulan Wang Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia” atau “Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 40;

“Majlis” ertinya Majlis Penasihat PR1MA yang ditubuhkan di bawah seksyen 30;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA;

“Menteri Besar” ertinya—

- (a) Menteri Besar Perlis;
- (b) Menteri Besar Johor;
- (c) Menteri Besar Kedah;
- (d) Menteri Besar Perak;
- (e) Menteri Besar Selangor;
- (f) Menteri Besar Negeri Sembilan;
- (g) Menteri Besar Pahang;
- (h) Menteri Besar Terengganu; atau
- (i) Menteri Besar Kelantan,

mengikut mana-mana yang berkenaan;

“orang yang layak” ertinya mana-mana orang yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Perbadanan di bawah seksyen 32;

“pembangunan Perumahan Rakyat 1Malaysia” atau “pembangunan PR1MA” ertinya pembangunan atau pembinaan atau pembangunan atau pembinaan yang dicadangkan bagi kompleks PR1MA mengikut apa-apa juga cara;

“penyewa” ertinya orang yang layak yang telah membuat perkiraan penyewaan berhubung dengan kediaman PR1MA sama ada dengan Perbadanan atau mana-mana orang lain yang diluluskan oleh Perbadanan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan PR1MA Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Penubuhan Perbadanan

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai “Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia” atau “Perbadanan PR1MA Malaysia” ditubuhkan.

(2) Perbadanan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Perbadanan boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, mengadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Perbadanan.

Meterai perbadanan

4. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi suatu peranti yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan, suatu cap yang mengandungi perkataan “Perbadanan PR1MA Malaysia” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Perbadanan.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi Perbadanan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Perbadanan, dan hendaklah ditentusahkan sama ada oleh Pengerusi Perbadanan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi Perbadanan secara bertulis.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu dan ditentusahkan dengan sewajarnya hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Perbadanan atau seorang pekerja Perbadanan yang diberi kuasa bagi maksud itu.

(6) Meterai perbadanan bagi Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan Perbadanan

5. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada—

- (a) anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri:
 - (i) seorang Pengerusi;
 - (ii) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada lima orang wakil Kerajaan Persekutuan; dan
 - (iii) tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada lima orang anggota lain; dan

(b) Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Orang yang dilantik di bawah perenggan (1)(a) hendaklah merupakan seseorang yang, pada pendapat Perdana Menteri, mempunyai pengalaman dan menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan pembangunan perumahan dan komuniti, kewangan, pembinaan, kejuruteraan, perniagaan atau pentadbiran, atau selainnya adalah sesuai untuk pelantikan kerana pengetahuan khas, pengalaman atau kelayakan sesuai mereka.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

6. Perdana Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Perbadanan, selain Ketua Pegawai Eksekutif, untuk bertindak sebagai Pengerusi Perbadanan selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi Perbadanan kosong;
- (b) Pengerusi Perbadanan tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi Perbadanan, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Jadual

7. Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Perbadanan.

Kelulusan untuk memegang jawatan lain

8. Seseorang anggota Perbadanan tidak boleh, semasa memegang jawatan itu, memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain, sama ada yang dibayar saraan atau tidak, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Perdana Menteri.

Tempoh jawatan

9. Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Perbadanan hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula.

Saraan dan elaun

10. (1) Pengerusi Perbadanan hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

(2) Semua anggota lain Perbadanan hendaklah dibayar elaun pada apa-apa kadar yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

Subsidi, pemberian, kemudahan, dsb., bagi anggota Perbadanan

11. Perbadanan boleh memberikan—

- (a) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, bagi maksud perumahan atau kenderaan, dan pembiayaan atau pinjaman belas kasihan lain, kepada anggota Perbadanan; atau
- (b) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, bagi maksud perubatan kepada anggota Perbadanan dan orang tanggungan mereka,

atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

12. (1) Perdana Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Perbadanan.

(2) Seseorang anggota Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Perdana Menteri.

Pengosongan jawatan

13. (1) Jawatan seseorang anggota Perbadanan hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 75; atau
- (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (e) dalam hal Pengerusi Perbadanan, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis Perdana Menteri;
- (f) dalam hal seseorang anggota Perbadanan selain Pengerusi Perbadanan, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis Pengerusi Perbadanan;
- (g) jika peletakan jawatannya diterima oleh Perdana Menteri; atau
- (h) jika pelantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota Perbadanan, seorang yang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan yang terpakai.

Jawatankuasa

14. (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Perbadanan boleh melantik mana-mana anggotanya atau mana-mana orang lain yang diluluskan oleh Menteri untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Perbadanan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat dan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak bagi pelantikan semula.

(5) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa dan Perbadanan.

(7) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Perbadanan.

(9) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) minit semua mesyuaratnya ditandatangani, disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Perbadanan dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh pengerusi jawatankuasa itu, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa dibuktikan selanjutnya.

(13) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat mengikut subseksyen (11) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(14) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya, bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(15) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

(16) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan jawatankuasa; atau
- (b) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Penzahiran kepentingan

15. (1) Mana-mana anggota Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau sesuatu jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung sama ada dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa, termasuklah—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya, termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya;
- (c) anaknya, termasuk anak angkat atau anak tiri;
- (d) adik-beradiknya, termasuk adik-beradik suami atau isterinya; dan
- (e) suami atau isteri anaknya, atau adik-beradiknya; dan

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan, Majlis, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa, ertiinya—

- (a) orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
- (c) pekongsi anggota itu;
- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari; atau

- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarahnya atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalamnya.

Seksyen yang tidak terpakai bagi Ketua Pegawai Eksekutif

16. Seksyen 9 dan 10 tidak terpakai bagi Ketua Pegawai Eksekutif.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

Fungsi Perbadanan

17. Perbadanan hendaklah mempunyai segala fungsi yang berikut:

- (a) menggalakkan dan melaksanakan dasar yang berhubungan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA;
- (b) merancang, menyelia dan menyempurnakan reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan kompleks PR1MA mengikut Akta ini dan dasar yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa;
- (c) menguruskan dan memantau atau mengusahakan pembangunan PR1MA;
- (d) mengumpulkan, merekodkan dan menyenggara data, maklumat dan statistik berkenaan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA dan menyenggara data orang yang layak bagi maksud penguntukan kediaman PR1MA, dan menggunakan data, maklumat dan statistik itu bagi menjalankan fungsinya;
- (e) memantau, menguruskan dan mengawal selia perkara yang berhubungan dengan pemunyaan dan penyewaan kediaman PR1MA;
- (f) di dalam kompleks PR1MA—
- (i) memudahkan pembangunan ekonomi dan sosial termasuklah memudahkan pembangunan kemudahan pendidikan dan pembangunan klinik komuniti; dan

- (ii) memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur dan komersial termasuklah memudahkan dan mengusahakan pembangunan kemudahan sukan dan rekreasi;
- (g) membangunkan dan mencadangkan program bantuan bagi orang yang layak untuk membolehkan orang yang layak membeli atau menyewa kediaman PR1MA;
- (h) mengadakan forum, seminar dan program kesedaran berhubung dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA;
- (i) menguruskan dan memantau kualiti, bekalan dan permintaan bagi kompleks PR1MA termasuklah—
 - (i) kelulusan bagi pemaju yang ingin menyertai pembinaan PR1MA;
 - (ii) penguntukan kediaman PR1MA untuk orang yang layak; dan
 - (iii) mendapatkan secara sumber langsung dan mengeluarkan secara langsung bahan mentah bagi maksud pembangunan PR1MA;
- (j) menggalakkan, memudahkan dan melaksanakan penggunaan teknologi baru serta teknologi hijau bagi kompleks PR1MA;
- (k) menjalankan atau membayai siasatan, penyelidikan, penilaian dan kajian dan menjalankan kaji selidik, pengumpul semakan atau analisis dengan tujuan untuk memperoleh data, maklumat dan statistik serta faktor yang mempengaruhi atau berkaitan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA dan menyebarkan data, maklumat, statistik dan faktor itu;
- (l) menyediakan khidmat nasihat berhubung dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA;

- (m) mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan strategi, arahan, dasar, undang-undang dan tindakan yang terpakai bagi pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA, termasuklah syor mengenai apa-apa kajian semula dasar, undang-undang dan tindakan semasa untuk memastikan dasar dan matlamat pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA dicapai;
- (n) menasihati Menteri dan Entiti Kerajaan tentang segala perkara yang berhubungan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA;
- (o) menggalakkan, menguruskan dan memantau penyertaan dan pelaburan sektor swasta dalam pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA, termasuklah mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan insentif berhubung dengan cukai, duti kastam dan eksais dan insentif fiskal lain yang terpakai bagi penyertaan dan pelaburan itu; dan
- (p) menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang merupakan tambahan, bersampingan dengan, atau yang berbangkit daripada mana-mana fungsi yang dinyatakan dalam seksyen ini.

Kuasa Perbadanan

18. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna subseksyen (1), kuasa Perbadanan termasuklah kuasa—

- (a) untuk menjalankan segala aktiviti yang didapati oleh Perbadanan sebagai perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;
- (b) untuk bekerjasama atau bertindak bersama dengan mana-mana Entiti Kerajaan atau orang, sama ada tempatan atau asing;

(c) untuk menghendaki—

- (i) Entiti Kerajaan memberikan apa-apa bantuan dan mengemukakan apa-apa maklumat yang ada dalam milikan mereka sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan untuk membolehkan Perbadanan menjalankan fungsinya; dan
- (ii) orang yang terlibat dalam menjalankan atau bercadang untuk menjalankan pembangunan PR1MA supaya mengemukakan laporan, yang mengandungi apa-apa butiran dan maklumat yang dinyatakan oleh Perbadanan, berkenaan dengan aktiviti mereka atau aktiviti yang dicadangkan berhubung dengan pembangunan PR1MA;

(d) tertakluk kepada Bahagian VI—

- (i) untuk menyelaraskan dengan Entiti Kerajaan berhubung dengan pembangunan PR1MA;
- (ii) untuk membuat syor kepada dan membantu Entiti Kerajaan di mana pembangunan PR1MA sedang diusahakan berhubung dengan fungsi dan perkhidmatan kerajaan tempatan, termasuklah kawalan perancangan tempatan dan kawal seliaan dan kawalan bangunan dan pengendalian bangunan, reka bentuk dan rupa kompleks PR1MA; atau
- (iii) untuk bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen yang diberi kuasa, atau selainnya bertindak bersama dengan atau bagi pihak, mana-mana Entiti Kerajaan atau mana-mana orang, berhubung dengan kompleks PR1MA;

(e) tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, untuk mengusahakan aktiviti komersial, termasuklah menjual, memajak atau menyewakan kesemua atau mana-mana bahagian tanah yang diintukkan bagi pembangunan PR1MA dan ruang bangunan, lot tempat letak kereta atau papan iklan di dalam kompleks PR1MA;

(f) untuk mendekati secara langsung atau tidak langsung, berhubung rapat dengan, dan menyebarkan maklumat yang berkaitan kepada—

- (i) mana-mana pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing, dengan tujuan untuk menggalakkan pelaburan dalam pembangunan PR1MA; dan

- (ii) mana-mana pemberian atau pemberian berpotensi, sama ada tempatan atau asing, bagi maksud membangunkan atau mencadangkan program bantuan bagi orang yang layak;
- (g) untuk mendekati secara langsung, berhubung rapat dengan, dan membuat kontrak dengan pembekal bahan mentah, barang siap atau jentera sama ada tempatan atau luar negara dan mengeluarkan bahan yang berhubungan dengan kerja pembinaan sama ada dengan sendiri atau bersama dengan pengeluar lain, dengan tujuan untuk mengoptimumkan kos kerja pembinaan yang berhubungan dengan kompleks PR1MA;
- (h) untuk melantik, mengambil kerja dan membayar ejen, penasihat teknikal dan kewangan, termasuklah peguam bela dan peguam cara, pengurus bank, pakar atau perunding dan orang lain, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan untuk menguruskan apa-apa perniagaan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsinya;
- (i) untuk mengenakan fi, kos, levi atau apa-apa caj lain yang disifatkannya patut bagi perkhidmatan yang diberikannya;
- (j) untuk merumuskan dan melaksanakan pembangunan dan pemberian sumber manusia dan program kerjasama bagi pelaksanaan fungsinya yang sepatutnya dan berkesan; dan
- (k) untuk melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana fungsi dan kuasanya.

Fungsi dan kuasa tambahan Perbadanan

19. (1) Sebagai tambahan kepada fungsi yang diberikan dan kuasa yang terletak hak pada Perbadanan oleh Akta ini, Perbadanan boleh mengusahakan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan pembelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang diserahkan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan, dan dalam melakukan sedemikian, Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai memenuhi maksud Akta ini dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Perbadanan berkenaan dengan pengusahaan fungsi itu, penjalanan kuasa itu dan pembelanjaan wang itu.

(2) Wang yang dibelanjakan bagi maksud yang diserahkan atau diberi kepada Perbadanan di bawah subseksyen (1) hendaklah disimpan berasingan dan terpisah daripada wang dalam Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia dan Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak.

Pewakilan fungsi dan kuasa Perbadanan

20. (1) Perbadanan boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, selain kuasanya untuk meminjam wang, untuk mendapatkan pinjaman atau membuat kaedah-kaedah, kepada—

- (a) Pengerusi Perbadanan;
- (b) seorang anggota Perbadanan;
- (c) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan;
- (d) suatu jawatankuasa;
- (e) seorang pekerja Perbadanan; atau
- (f) suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh Perbadanan.

(2) Tanpa menjaskankan subseksyen (1) dan peruntukan lain Akta ini, Perbadanan boleh mewakilkan kepada seorang anggota Perbadanan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, suatu jawatankuasa, atau seorang pekerja Perbadanan atau suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh Perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia atau Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak atau apa-apa wang lain yang terletak hak pada dan di bawah kawalan Perbadanan sehingga apa-apa takat yang dinyatakan oleh Perbadanan.

(3) Anggota Perbadanan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, jawatankuasa, pekerja Perbadanan atau pertubuhan perbadanan yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa sedemikian di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Perbadanan dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Perbadanan.

(4) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

(5) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Perbadanan daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Arahan oleh Menteri

21. (1) Perbadanan adalah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberi Perbadanan arahan yang bersifat am, yang selaras dengan peruntukan Akta ini, yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Perbadanan dan Perbadanan hendaklah melaksanakan arahan itu.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

22. (1) Perbadanan hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam yang dinyatakan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktivitinya dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), Perbadanan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam yang lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Perbadanan semasa tahun kewangan yang sebelumnya.

(3) Penyata, laporan, akaun dan maklumat itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Perbadanan dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Perbadanan boleh menubuhkan dan terlibat dalam pertubuhan perbadanan

23. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan, menubuhkan dan terlibat dalam mana-mana pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Perbadanan untuk menjalankan dan menjaga, mengelolakan dan menguruskan bagi pihak Perbadanan apa-apa projek, skim atau perusahaan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

BAHAGIAN IV**PEKERJA PERBADANAN****Ketua Pegawai Eksekutif**

24. (1) Perdana Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang, pada pendapat Perdana Menteri, mempunyai pengalaman dan menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan pembangunan perumahan dan komuniti, kewangan, pembinaan, kejuruteraan, perniagaan atau pentadbiran, atau selainnya adalah sesuai untuk pelantikan kerana pengetahuan khasnya, pengalamannya atau kelayakannya yang sesuai, atas apa-apa terma dan syarat, dan yang hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elauan, yang difikirkannya sesuai.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal harian Perbadanan pada keseluruhannya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Perbadanan.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(5) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Perbadanan dalam menunaikan kewajipannya.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi seorang pekerja Perbadanan.

Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif

25. Perdana Menteri boleh melantik mana-mana pekerja Perbadanan untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif semasa apa-apa tempoh apabila—

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Pelantikan pekerja Perbadanan

26. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Perbadanan.

Syarat perkhidmatan, kelakuan dan tatatertib

27. (1) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, menentukan syarat perkhidmatan pekerjanya.

(2) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pekerjanya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib ke atas pekerjanya.

(3) Perbadanan boleh menetapkan apa-apa kaedah-kaedah untuk mengadakan peruntukan mengenai kelakuan dan tatatertib pekerjanya.

(4) Kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah seksyen ini termasuklah—

- (a) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa tatatertib yang sesuai dan tatacara yang perlu dipatuhi;
- (b) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa rayuan tatatertib untuk mendengar rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib dan tatacara yang perlu dipatuhi; dan

(c) peruntukan bagi—

- (i) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
- (ii) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pekerja Perbadanan sementara menunggu prosiding tatatertib selesai.

(5) Kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tatatertib yang disifatkan sesuai oleh Perbadanan, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi buang kerja dan penurunan pangkat.

(6) Kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan tatacara untuk prosiding tatatertib, mengadakan peruntukan mengenai peluang kepada pekerja Perbadanan yang prosiding tatatertib diambil terhadapnya untuk membuat representasi sebelum suatu keputusan dibuat oleh jawatankuasa tatatertib mengenai pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap orang itu.

Bantuan kewangan untuk pekerja dan orang lain

28. Perbadanan boleh memperuntukkan—

- (a) pembayaran faedah persaraan, ganjaran dan elauan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, kepada pekerja Perbadanan;
- (b) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit bagi maksud perumahan atau kenderaan, dan pembiayaan atau pinjaman belas kasihan lain, kepada pekerja Perbadanan;
- (c) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit bagi maksud perubatan kepada pekerja Perbadanan, dan orang tanggungan mereka;
- (d) kemudahan pembiayaan atau kredit bagi maksud pendidikan atau biasiswa kepada pekerja Perbadanan, dan orang tanggungan mereka; dan
- (e) derma kepada mana-mana orang,

atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan.

Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

29. Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, surat pekeliling atau arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN V**PEMBANGUNAN PR1MA DAN KOMPLEKS PR1MA****Majlis Penasihat PR1MA**

30. (1) Suatu majlis yang dikenali sebagai “Majlis Penasihat Perumahan Rakyat 1Malaysia ” atau “Majlis Penasihat PR1MA” ditubuhkan.

(2) Majlis hendaklah terdiri daripada—

- (a) Perdana Menteri, sebagai Pengerusi;
- (b) Menteri, jika dia bukan juga Perdana Menteri;
- (c) Menteri yang bertanggungjawab bagi perumahan dan kerajaan tempatan;
- (d) Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- (e) Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (f) Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi Negeri yang berkaitan atau Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan, sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh Pengerusi; dan
- (g) tidak lebih daripada tujuh orang anggota lain yang dilantik oleh Pengerusi.

(3) Pengerusi Majlis boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud menasihati Majlis tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(4) Fungsi Majlis adalah—

- (a) untuk menasihati Perbadanan dan membuat syor kepada Perbadanan tentang perkara dasar yang berhubungan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA apabila dirujuk oleh Perbadanan;
- (b) untuk mengadakan garis panduan yang hendaklah diambil kira oleh Perbadanan berhubung dengan perkara perancangan bagi pembangunan PR1MA; dan
- (c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada Majlis di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(5) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, memberikan Perbadanan arahan yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan Perbadanan hendaklah menguatkuaskan arahan itu.

(6) Majlis boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan atau berbangkit daripada mana-mana fungsi yang dinyatakan dalam subseksyen (4) dan melakukan apa-apa benda yang perlu atau suai manfaat bagi menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(7) Majlis hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Tanggungjawab Perbadanan

31. (1) Dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, menjadi tanggungjawab Perbadanan untuk—

- (a) memastikan bahawa fungsi itu dilaksanakan mengikut apa-apa cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan Persekutuan dan khususnya dasar yang berhubungan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA; dan
- (b) memberi perhatian kepada dan bertindak—
 - (i) mengikut Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA; dan
 - (ii) dalam kerangka am dasar Entiti Kerajaan berkenaan dengan pembangunan dan penggunaan tanah dan bangunan.

(2) Tanpa menjelaskan mana-mana peruntukan lain Akta ini, dalam menjalankan tanggungjawabnya di bawah subseksyen (1), Perbadanan boleh—

- (a) membantu pihak berkuasa perancangan tempatan yang berkaitan untuk menyelaraskan pembangunan PR1MA di mana pembangunan PR1MA sedang diusahakan;
- (b) mengenal pasti infrastruktur yang diperlukan bagi kompleks PR1MA, membangunkan dan mengesyorkan strategi dan inisiatif bagi penyediaan infrastruktur itu, dan memantau pembinaannya, pelaksanaannya, pengendaliannya dan senggaraannya; dan
- (c) mengesyorkan kriteria yang hendaklah dipenuhi berhubung dengan penyediaan, atau keupayaan untuk menyediakan, infrastruktur atau perkhidmatan yang dikehendaki, mengikut standard yang ditentukan oleh Perbadanan, bagi pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA.

Kriteria berhubung dengan orang yang layak

32. (1) Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, hendaklah menetapkan kriteria bagi permohonan untuk membeli atau menyewa kediaman PR1MA yang hendaklah berdasarkan faktor-faktor yang berikut:

- (a) kewarganegaraan Malaysia;
- (b) tahap pendapatan pemohon;
- (c) status pemunyaan harta pemohon; dan
- (d) apa-apa faktor lain yang disifatkan patut oleh Menteri, atas nasihat Perbadanan.

(2) Mana-mana orang yang memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) boleh memohon kepada Perbadanan untuk membeli atau menyewa kediaman PR1MA dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada Perbadanan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Perbadanan.

Penguntukan kediaman PR1MA kepada orang yang layak

33. Penguntukan kediaman PR1MA kepada orang yang layak hendaklah dijalankan dengan cara yang telus dan adil mengikut tatacara dan kaedah yang ditetapkan di bawah perenggan 78(c), termasuklah melalui undi terbuka.

Kelayakan untuk menyertai pembangunan PR1MA

34. (1) Tiada seorang pun boleh terlibat dalam, menjalankan atau mengusahakan pembangunan PR1MA melainkan jika dia telah diluluskan oleh Perbadanan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang layak untuk memohon bagi kelulusan untuk menyertai dalam mana-mana bahagian pembangunan PR1MA jika dia memenuhi kriteria yang berikut:

- (a) dia ialah pemaju perumahan berlesen di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966; atau
- (b) dia ialah kontraktor berdaftar di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994; dan
- (c) dia memenuhi apa-apa kriteria lain yang dinyatakan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(3) Mana-mana orang yang layak di bawah seksyen ini boleh memohon kepada Perbadanan dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada Perbadanan mengikut apa-apa cara dan disertakan dengan apa-apa fi yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), syarat dan spesifikasi yang berhubungan dengan cara permohonan itu dikemukakan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan oleh Perbadanan.

(5) Selepas menerima permohonan bagi suatu kelulusan di bawah seksyen ini, Perbadanan boleh memberikan kelulusan yang dipohon atau enggan untuk memberikan kelulusan itu dan dalam memberikan kelulusan itu Perbadanan boleh mengenakan apa-apa syarat, termasuklah tempoh sah kelulusan itu, sebagaimana yang difikirkan patut dan wajar oleh Perbadanan.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (8), Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, mengubah, membatalkan atau merubah syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) atau mengenakan apa-apa syarat baru atau tambahan atau, jika kelulusan itu tidak tertakluk kepada apa-apa syarat, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut dan wajar oleh Perbadanan.

(7) Jika mana-mana orang yang diluluskan oleh Perbadanan di bawah seksyen ini—

- (a) tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain;

- (b) tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) atau (6);
- (c) dengan tidak sewajarnya atau secara tidak sah memperoleh kelulusan di bawah seksyen ini;
- (d) mempunyai penerima, penerima dan pengurus, pelikuidasi sementara atau pegawai seumpamanya telah dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian besar asetnya dan pelantikan itu tidak dibatalkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
- (e) tidak lagi berhak untuk diberi kelulusan itu di bawah seksyen ini disebabkan apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihaknya atau telah terdapat perubahan hal keadaan yang membuatkan dia tidak lagi memenuhi kriteria yang dinyatakan di bawah subseksyen (2),

Perbadanan boleh, tertakluk kepada subseksyen (8), membatalkan atau menggantung kelulusan yang dikeluarkan kepada orang itu sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(8) Sebelum mengubah, membatalkan atau merubah apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) atau sebelum mengenakan ke atasnya apa-apa syarat baru atau tambahan di bawah subseksyen (6) atau sebelum membatalkan atau menggantung sesuatu kelulusan di bawah subseksyen (7), Perbadanan hendaklah memberitahu orang yang terkesan dengan tindakan yang dicadangkan untuk diambil oleh Perbadanan mengenai tindakan yang dicadangkan itu dan hendaklah memberi orang itu peluang untuk mengemukakan representasi atau penjelasan tentang sebab tindakan yang dicadangkan itu tidak patut dijalankan.

(9) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Perbadanan untuk menolak sesuatu permohonan bagi kelulusan di bawah subseksyen (5), untuk mengenakan apa-apa syarat atau syarat tambahan di bawah subseksyen (5) atau (6), untuk mengubah atau merubah apa-apa syarat di bawah subseksyen (6) atau untuk membatalkan atau menggantung suatu kelulusan di bawah seksyen (7) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas keputusan itu diberitahu kepadanya, merayu kepada Tribunal Rayuan secara bertulis.

(10) Apa-apa kelulusan atau pembatalan atau penggantungan yang dibuat oleh Perbadanan di bawah seksyen ini hendaklah didaftarkan secepat yang dapat dilaksanakan dalam daftar.

Arahan oleh Perbadanan

35. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis kepada mana-mana orang yang telah diluluskan oleh Perbadanan di bawah seksyen 34 mengenai ketidakpatuhan apa-apa syarat kelulusan yang dikenakan di bawah Akta ini, oleh orang itu, termasuklah meremedikan ketidakpatuhan syarat kelulusan atau peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedahnya.

(2) Sebelum membuat suatu arahan di bawah subseksyen (1), Perbadanan hendaklah—

- (a) mengeluarkan notis secara bertulis kepada orang itu, yang menyatakan jenis ketidakpatuhan itu dan pematuhan yang dikehendaki;
- (b) memberi orang itu peluang untuk didengar dengan cara mengemukakan suatu penghujahan bertulis tentang sebab ketidakpatuhannya dalam tempoh enam puluh hari selepas penyampaian notis yang disebut dalam perenggan (a); dan
- (c) mengambil kira apa-apa sebab yang diberikan oleh orang itu berhubung dengan ketidakpatuhan yang berkaitan selepas habis tempoh enam puluh hari itu.

(3) Arahan yang dibuat oleh Perbadanan di bawah seksyen ini hendaklah—

- (a) didaftarkan secepat yang dapat dilaksanakan;
- (b) berkuat kuasa dari tarikh pendaftarannya di bawah perenggan (a) atau apa-apa tarikh yang lebih lewat sebagaimana yang dinyatakan oleh Perbadanan dalam arahan itu; dan
- (c) habis tempoh pada apa-apa tarikh yang dinyatakan oleh Perbadanan dalam arahan itu atau jika tarikh tidak dinyatakan, arahan itu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

(4) Perbadanan boleh mengubah atau membatalkan suatu arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini dan tatacara yang dinyatakan dalam subseksyen (1), (2) dan (3) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berkenaan dengan apa-apa pengubahan atau pembatalan arahan itu.

(5) Mana-mana orang yang membantah apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbadanan boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas menerima arahan tersebut, mengemukakan secara bertulis kepada Tribunal Rayuan alasan bagi bantahannya dan keputusan Tribunal Rayuan berkenaan adalah muktamad.

(6) Seseorang yang tidak mematuhi arahan Perbadanan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PENYELARASAN DENGAN ENTITI KERAJAAN

Agensi penyelaras utama

36. (1) Perbadanan hendaklah, dalam menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan berhubung dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA—

- (a) bertindak sebagai ejen penyelaras utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak Entiti Kerajaan berhubung dengan penerimaan, pemprosesan dan penyegeraan Kelulusan dan tindakan pentadbiran yang diperlukan berkaitan dengan permohonan bagi Kelulusan yang berkenaan dengannya Perbadanan telah membuat suatu perjanjian atau perkiraan di bawah seksyen 38; dan
- (b) memberikan perkhidmatan pentadbiran dan bantuan kepada Entiti Kerajaan berkaitan dengan perkara yang berhubungan dengan tanah di mana pembangunan PR1MA sedang diusahakan.

(2) Perbadanan boleh, dalam menjalankan peranan di bawah perenggan (1)(a)—

- (a) mengenakan ke atas pemohon bagi Kelulusan apa-apa fi, kos, levi atau apa-apa caj lain sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan; dan
- (b) bagi pihak Entiti Kerajaan, memungut daripada pemohon bagi Kelulusan apa-apa fi, kos, levi atau apa-apa caj lain sebagaimana yang dikehendaki dengan sah oleh Entiti Kerajaan berkaitan dengan permohonan itu.

Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan

37. (1) Hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan bagi setiap Negeri di mana pembangunan PR1MA sedang diusahakan yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi;
- (b) seorang wakil kanan Negeri;
- (c) seorang wakil kanan kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- (d) seorang wakil kanan kementerian yang bertanggungjawab bagi perumahan dan kerajaan tempatan;
- (e) seorang wakil kanan kementerian yang bertanggungjawab bagi tanah;
- (f) seorang wakil kanan kementerian yang bertanggungjawab bagi tenaga dan air;
- (g) Presiden atau Pesuruhjaya atau Datuk Bandar pihak berkuasa tempatan;
- (h) Pengarah Perancang Negeri bagi Negeri itu atau dalam hal Wilayah Persekutuan, Pesuruhjaya yang dilantik di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];
- (i) Pengarah Negeri Jabatan Tanah dan Galian; dan
- (j) tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang dilantik oleh Perbadanan.

(2) Seorang anggota silih ganti boleh dilantik—

- (i) bagi Pengerusi Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, oleh Pengerusi Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan; dan
- (ii) bagi anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan selain daripada Pengerusi Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, oleh anggota lain Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan,

jika dia, atas apa-apa sebab, tidak dapat hadir mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan.

(3) Apabila menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan.

(4) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) mengkaji semula semua permohonan bagi Kelulusan yang dikehendaki berhubung dengan apa-apa pembangunan PR1MA;
- (b) menyelaraskan peranan dan obligasi kesemua Entiti Kerajaan untuk memudahkan dan menyegerakan Kelulusan yang telah dikaji semula di bawah perenggan (a) dan pelaksanaan pembangunan PR1MA yang dicadangkan;
- (c) mengambil atau mengesyorkan langkah dan tindakan pentadbiran yang sesuai bagi menyelesaikan apa-apa kesulitan atau isu yang timbul daripada proses Kelulusan sebagaimana yang ditekankan oleh Perbadanan;
- (d) mengkaji semula status pelaksanaan pembangunan PR1MA yang dicadangkan itu; dan
- (e) memberikan apa-apa bantuan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan berhubung dengan pembangunan PR1MA.

(5) Dalam melaksanakan peranannya di bawah subseksyen (4), Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah mengambil kira objektif Perbadanan dan kepentingan negara.

(6) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(7) Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan.

(8) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah menyebabkan—

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Perbadanan secepat yang dapat dilaksanakan.

(9) Apa-apa minit mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(10) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat mengikut subseksyen (8) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(11) Anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan bolehlah dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(12) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan; atau
- (b) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Perkiraan dengan Entiti Kerajaan

38. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Perbadanan boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana Entiti Kerajaan berkenaan dengan—

- (a) penjalanan oleh Perbadanan dan Entiti Kerajaan itu akan mana-mana fungsi dan kuasa mereka masing-masing;
- (b) penjalanan atau penyediaan oleh Perbadanan bagi Entiti Kerajaan itu, atau oleh Entiti Kerajaan itu bagi Perbadanan, akan apa-apa kerja atau perkhidmatan berhubung dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA; atau
- (c) pemungutan oleh Perbadanan bagi pihak Entiti Kerajaan apa-apa fi, kos, levi atau apa-apa caj lain yang dikehendaki, dicaj atau dikenakan secara sah oleh Entiti Kerajaan itu.

- (2) Mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah—
- (a) dengan persetujuan Menteri yang dipertanggungkan dengan Entiti Kerajaan yang berkaitan bagi Kerajaan Persekutuan dalam hal Entiti Kerajaan bagi Kerajaan Persekutuan;
 - (b) dengan persetujuan Kerajaan Negeri yang berkaitan dalam hal suatu Entiti Kerajaan Negeri; dan
 - (c) tertakluk kepada dan mengikut undang-undang yang mengawal kuasa dan fungsi Entiti Kerajaan itu.

Tanggungjawab Entiti Kerajaan

39. Sesuatu Entiti Kerajaan hendaklah—

- (a) bekerjasama dengan dan membantu Perbadanan dalam melaksanakan fungsi Perbadanan di bawah Akta ini;
- (b) jika berkaitan, merujuk dan menggunakan data, maklumat dan statistik serta faktor yang disebarluaskan oleh Perbadanan dalam melaksanakan fungsinya dan kewajipannya, dalam menjalankan kuasanya, dan dalam menjalankan aktivitinya berhubung dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA; dan
- (c) memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada dasar, undang-undang dan tindakan yang dicadangkan supaya terpakai bagi pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA sebagaimana yang disyorkan oleh Perbadanan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VII**KEWANGAN****Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia**

40. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia” ditubuhkan dan hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Perbadanan.

(2) Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen dari semasa ke semasa bagi maksud Akta ini;
- (b) semua atau mana-mana bahagian fi, kos, levi dan caj lain yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Perbadanan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (c) semua wang yang berpunca daripada pendapatan pelaburan oleh Perbadanan;
- (d) semua wang yang berpunca daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urus niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Perbadanan;
- (e) jumlah wang yang dipinjam oleh Perbadanan di bawah seksyen 45;
- (f) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Perbadanan dari semasa ke semasa bagi pinjaman yang dibuat oleh Perbadanan;
- (g) semua wang yang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang itu;
- (h) semua derma dan sumbangan yang diterima oleh Perbadanan bagi maksud mengusahakan fungsi, kuasa dan kewajipannya;
- (i) semua jumlah wang atau harta lain yang mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsinya;
- (j) apa-apa kos yang dibayar kepada, atau didapatkan oleh, Perbadanan dalam mana-mana penyelesaian tindakan atau prosiding guaman; dan
- (k) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Perbadanan.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia

41. Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Perbadanan;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain anggota Perbadanan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, jawatankuasa dan pekerja Perbadanan, termasuklah pemberian pinjaman, biasiswa, wang pendahuluan, apa-apa bantuan kewangan lain dan elaun lain;
- (c) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Tribunal Rayuan;
- (d) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan, termasuklah pengambilan khidmat perunding, fi dan kos guaman serta fi dan kos lain, yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis yang lain;
- (e) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera dan bahan, memperoleh tanah dan aset lain, dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis yang lain;
- (f) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 45 dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (g) pelaburan di bawah seksyen 46; dan
- (h) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak

42. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak” ditubuhkan dan hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Perbadanan.

(2) Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen, dari semasa ke semasa, bagi maksud pemberian bantuan kepada orang yang layak;
- (b) semua wang yang diperoleh daripada mana-mana orang bagi maksud program bantuan bagi orang yang layak;
- (c) semua wang yang berpunca daripada pendapatan pelaburan Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak oleh Perbadanan;
- (d) jumlah wang yang dipinjam oleh Perbadanan di bawah seksyen 45 bagi maksud program bantuan bagi orang yang layak;
- (e) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Perbadanan dari semasa ke semasa bagi pinjaman yang dibuat oleh Perbadanan yang berhubung dengan program bantuan bagi orang yang layak;
- (f) semua wang yang diperoleh daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak;
- (g) apa-apa kos guaman yang dibayar kepada, atau didapatkan oleh Perbadanan dalam mana-mana penyelesaian tindakan atau prosiding guaman yang berhubungan dengan program bantuan bagi orang yang layak;
- (h) semua wang yang diperoleh semula atau dibayar oleh orang yang layak menurut apa-apa program bantuan bagi orang yang layak; dan
- (i) semua wang lain yang diterima dengan sah oleh Perbadanan bagi maksud program bantuan bagi orang yang layak.

(3) Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Perbadanan berhubung dengan program bantuan bagi orang yang layak;
- (b) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan,

termasuklah pengambilan khidmat perunding, fi dan kos guaman serta fi dan kos lain yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini dalam menyediakan program bantuan bagi orang yang layak;

- (c) memberi bantuan kewangan melalui pemberian, subsidi, pinjaman atau ekuiti atau apa-apa kaedah lain yang dinyatakan oleh Perbadanan kepada orang yang layak untuk membeli atau menyewa kediaman PR1MA;
- (d) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 45 bagi maksud menyediakan program bantuan bagi orang yang layak dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (e) pelaburan di bawah seksyen 46; dan
- (f) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan fungsi Perbadanan berhubung dengan program bantuan bagi orang yang layak.

Pemeliharaan Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia

43. Menjadi kewajipan Perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang Perbadanan PR1MA Malaysia dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Perbadanan mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal dari setahun ke setahun.

Akaun bank

44. Perbadanan hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan, dan tiap-tiap akaun hendaklah dikendalikan mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Perbadanan bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk meminjam

45. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Perbadanan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

Pelaburan

46. Wang Perbadanan hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera oleh Perbadanan di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.

Batasan kontrak

47. Perbadanan tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Perbadanan dikehendaki untuk membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.

Tatacara kewangan

48. Tertakluk kepada Akta ini dan kelulusan Menteri, Perbadanan hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Tahun kewangan

49. Tahun kewangan Perbadanan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akaun dan laporan

50. (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang Perbadanan PRIMA Malaysia dan Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak dan laporan aktivitinya disimpan dan hendaklah, dengan secepat

yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Perbadanan yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu laporan aktivitinya.

(2) Perbadanan hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit, suatu salinan laporan juruaudit dan suatu salinan laporan aktivitinya kepada Menteri dan Menteri hendaklah menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

BAHAGIAN VIII

HAK UNTUK MEMBELI SEMULA KEDIAMAN PR1MA

Hak untuk membeli semula kediaman PR1MA oleh Perbadanan

51. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, Perbadanan hendaklah mempunyai hak untuk membeli semula mana-mana kediaman PR1MA daripada pemunya kediaman PR1MA jika pemunya itu—

- (a) melakukan suatu pelanggaran serius atau berulang kali melakukan pelanggaran serius mana-mana peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang berhubungan dengan kediaman PR1MA;
- (b) tidak membayar apa-apa wang yang kena dibayar kepada Perbadanan, termasuk apa-apa denda atau penalti yang dikenakan berkaitan dengan apa-apa pelanggaran mana-mana peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah;
- (c) telah membuat salah nyataan tentang suatu fakta material, sama ada secara tidak sengaja atau selainnya, yang berhubungan dengan pembelian kediaman PR1MA;

- (d) telah membuat suatu pernyataan yang mengelirukan atau palsu dalam permohonannya kepada Perbadanan yang menyebabkan penguntukan kediaman PR1MA oleh Perbadanan kepadanya; atau
- (e) pada bila-bila masa, terhenti menjadi warganegara Malaysia.

(2) Hak untuk membeli semula oleh Perbadanan di bawah perenggan (1)(a) hendaklah hanya dijalankan oleh Perbadanan—

- (a) jika notis bertulis telah dihantar oleh Perbadanan kepada pemunya menghendaki pemunya itu untuk membetulkan pelanggaran itu dalam tempoh masa yang dinyatakan; dan
- (b) pemunya itu tidak membetulkan pelanggaran itu dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis bertulis.

(3) Hak untuk membeli semula oleh Perbadanan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah hanya dijalankan oleh Perbadanan—

- (a) jika notis tuntutan bertulis telah dihantar oleh Perbadanan kepada pemunya menghendaki pemunya itu untuk membayar wang yang terhutang dan kena dibayar kepada Perbadanan dalam tempoh masa yang dinyatakan; dan
- (b) pemunya itu tidak membayar wang yang terhutang dan kena dibayar kepada Perbadanan itu dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis tuntutan bertulis itu.

Tatacara yang berhubungan dengan hak untuk membeli semula

52. (1) Jika Perbadanan berniat untuk menjalankan hak untuk membeli semula kediaman PR1MA di bawah Bahagian ini, Perbadanan hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepada pemunya kediaman PR1MA dan mana-mana orang yang berkepentingan.

(2) Notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyatakan—

- (a) niat Perbadanan untuk membeli semula kediaman PR1MA pemunya;
- (b) alasan yang dinyatakan di bawah perenggan 51(1)(a) hingga (e) untuk membeli semula kediaman PR1MA pemunya itu; dan
- (c) amaun harga pembelian semula kediaman PR1MA pemunya itu yang ditentukan mengikut seksyen 54.

(3) Apabila diterima notis bertulis di bawah subseksyen (1), pemunya atau mana-mana orang yang berkepentingan boleh, dalam tempoh enam puluh hari selepas penyampaian notis itu, mengemukakan secara bertulis kepada Perbadanan apa-apa bantahan kepada pembelian semula kediaman PR1MAnya berserta alasan bantahannya.

(4) Perbadanan hendaklah menimbangkan bantahan yang dikemukakan oleh pemunya kediaman PR1MA atau orang yang berkepentingan di bawah subseksyen (3) dalam tempoh tiga puluh hari dari penerimaan bantahan itu dan boleh membenarkan atau tidak membenarkan bantahan itu.

(5) Perbadanan hendaklah menyampaikan keputusannya untuk membenarkan atau tidak membenarkan bantahan yang dibuat di bawah subseksyen (3) kepada pemunya kediaman PR1MA atau orang yang berkepentingan itu melalui pos berdaftar Akuan Terima atau dengan tangan kepada alamat terakhir diketahui pemunya kediaman PR1MA atau orang berkepentingan itu yang ada dalam rekod Perbadanan.

(6) Pemunya kediaman PR1MA atau orang yang berkepentingan yang terkilan dengan keputusan Perbadanan yang dibuat di bawah subseksyen (3) boleh merayu kepada Tribunal Rayuan dalam tempoh sembilan puluh hari selepas penerimaan keputusan itu dan keputusan Tribunal Rayuan adalah muktamad.

(7) Bagi maksud Bahagian ini—

- (a) “orang yang berkepentingan” ertinya orang yang diketahui atau dipercayai oleh Perbadanan sebagai mempunyai kepentingan dalam kediaman PR1MA yang akan dibeli semula oleh Perbadanan atau yang akan menuntut segala atau mana-mana bahagian pembayaran yang akan dibuat berhubung dengan pembelian semula itu; dan

- (b) “pelanggaran serius” ertiya suatu pelanggaran yang ditetapkan oleh Menteri.

Pemindahan hakmilik atau peletakhakan pemunyaan pada Perbadanan

53. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), apabila pembelian semula suatu kediaman PR1MA dibuat di bawah Bahagian ini, Perbadanan boleh—

- (a) memindahkan hakmilik pemunyaan kediaman PR1MA itu; atau
- (b) meletakhakkan pemunyaan kediaman PR1MA itu,

pada Perbadanan.

(2) Pemindahan hakmilik atau peletakhakan pemunyaan kediaman PR1MA yang telah dibeli semula hendaklah hanya dilakukan—

- (a) dalam hal jika tiada bantahan dibuat, selepas habis tempoh enam puluh hari bagi penyampaian notis mengenai niat untuk membeli semula kediaman PR1MA yang disebut dalam subseksyen 52(3);
- (b) dalam hal jika suatu bantahan telah dibuat menurut subseksyen 52(3), selepas habis tempoh sembilan puluh hari bagi penyampaian keputusan yang dibuat oleh Perbadanan berkenaan bantahan di bawah subseksyen 52(6); dan
- (c) dalam hal jika rayuan telah dibuat kepada Tribunal Rayuan, pada bila-bila masa selepas rayuan telah ditentukan oleh Tribunal Rayuan atau selepas rayuan itu ditarik balik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penentuan dan pembayaran harga pembelian semula

54. (1) Amaun harga pembelian semula kediaman PR1MA yang hendaklah dibayar kepada pemunya kediaman PR1MA di bawah seksyen 52 hendaklah ditentukan oleh Menteri dan hendaklah mengambil kira yang berikut:

- (a) harga pembelian kediaman PR1MA seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli yang berhubungan dengan kediaman PR1MA itu;

- (b) harga kediaman PR1MA yang seumpamanya yang berada di dalam kompleks PR1MA yang sama dengan kediaman PR1MA yang akan dibeli semula itu pada masa pembelian semula itu;
- (c) apa-apa subsidi secara langsung atau tidak langsung yang diberikan oleh Perbadanan dalam pembelian semula kediaman PR1MA itu;
- (d) apa-apa amaun yang terhutang atau kena dibayar oleh pemunya kediaman PR1MA itu kepada Perbadanan pada masa pembelian semula itu; dan
- (e) apa-apa kos, kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Perbadanan dalam menjalankan haknya untuk membeli semula kediaman PR1MA itu.

(2) Perbadanan hendaklah membayar harga pembelian semula kediaman PR1MA yang ditentukan di bawah subseksyen (1) atau sebagaimana yang diubah oleh Tribunal Rayuan menurut suatu rayuan di bawah subseksyen 52(6) kepada pemunya kediaman PR1MA atau kedua-dua pemunya kediaman PR1MA dan orang yang berkepentingan apabila diterima milikan kosong kediaman PR1MA itu.

(3) Jika pemunya kediaman PR1MA atau orang yang berkepentingan—

- (a) enggan untuk menerima pembayaran harga pembelian semula kediaman PR1MA itu;
- (b) tidak dapat dikesan; atau
- (c) menimbulkan apa-apa pertikaian berkenaan dengan pembahagian harga pembelian semula itu,

Perbadanan hendaklah memohon *ex parte* kepada Mahkamah Tinggi dengan memfailkan permohonan dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi dalam kamar, disokong dengan afidavit, bagi suatu perintah untuk mendepositkan harga pembelian semula ke dalam Mahkamah dan, walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan tatacara guaman, Pendaftar Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat perintah itu.

Mengambil milikan kediaman PR1MA yang dibeli semula

55. Jika hakmilik kediaman PR1MA yang telah dibeli semula itu telah dipindah milik atau diletakkan pada Perbadanan menurut seksyen 53, Perbadanan bolehlah mengambil milikan kediaman PR1MA itu apabila habis tempoh sembilan puluh hari selepas penyampaian notis kepada pemunya atau orang yang berkepentingan untuk mengambil milikan.

BAHAGIAN IX

TRIBUNAL RAYUAN

Penubuhan Tribunal Rayuan

56. Suatu Tribunal Rayuan hendaklah ditubuhkan bagi maksud mengkaji semula apa-apa keputusan atau arahan Perbadanan yang dirayukan di bawah Akta ini.

Keanggotaan Tribunal Rayuan

57. (1) Tribunal Rayuan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi; dan
- (b) sekurang-kurangnya dua anggota lain, atau apa-apa bilangan genap anggota yang lebih besar.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri hendaklah melantik—

- (a) seseorang yang merupakan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan selama sekurang-kurangnya sepuluh tahun atau seseorang yang merupakan peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun untuk menjadi Pengerusi Tribunal Rayuan; dan
- (b) orang yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman dan menunjukkan keupayaan, integriti dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan pembangunan perumahan dan komuniti, kewangan, pembinaan, kejuruteraan, perniagaan atau pentadbiran, atau selainnya

adalah sesuai bagi pelantikan kerana pengetahuan khas, pengalaman atau kelayakan sesuai mereka untuk menjadi anggota lain Tribunal Rayuan.

(3) Pelantikan anggota Tribunal Rayuan hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Seorang anggota Tribunal Rayuan yang disebut dalam perenggan (1)(b)—

- (a) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan
- (b) layak bagi pelantikan semula apabila habis tempoh jawatannya, tetapi tidak boleh dilantik bagi lebih daripada dua penggal berturut-turut.

Elaun

58. (1) Anggota Tribunal Rayuan yang dilantik hendaklah dibayar apa-apa elaun tetap dan elaun lain yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Anggota Tribunal Rayuan hendaklah dibayar—

- (a) suatu elaun bersidang harian semasa persidangan Tribunal Rayuan; dan
- (b) elaun penginapan, perjalanan dan sara hidup, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

59. (1) Pengerusi Tribunal Rayuan atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan Pengerusi Tribunal Rayuan atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain jika—

- (a) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan kewajipannya sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan di bawah Akta ini atau menguruskan hal ehwalnya;

- (b) dia menjadi bankrap atau tidak solven;
- (c) dia dilarang menjadi pengarah syarikat di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat;
- (d) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis oleh suatu mahkamah di Malaysia;
- (e) dia telah melakukan salah laku yang serius berhubung dengan kewajipannya di bawah Akta ini;
- (f) dia tidak mematuhi obligasinya di bawah seksyen 61; atau
- (g) prestasinya, pada pendapat Menteri, tidak memuaskan selama suatu tempoh masa yang signifikan.

Pengosongan jawatan dan pelantikan sementara

60. (1) Jawatan Pengerusi Tribunal Rayuan atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) dia meletakkan jawatannya atau selainnya mengosongkan jawatannya sebelum habis tempoh yang baginya dia dilantik; atau
- (c) pelantikannya dibatalkan di bawah seksyen 59.

(2) Menteri hendaklah melantik seorang yang lain mengikut seksyen 57 untuk menggantikan Pengerusi Tribunal Rayuan atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain semasa kekosongan jawatan Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan yang lain itu.

(3) Menteri boleh melantik seorang yang lain secara sementara mengikut seksyen 57 untuk bertindak sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan atau sebagai mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain—

- (a) semasa apa-apa tempoh apabila Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota yang lain itu tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (b) jika Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan yang lain, kerana apa-apa sebab lain, tidak boleh melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini.

(4) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil oleh Tribunal Rayuan dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya boleh terjejas atas alasan terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Tribunal Rayuan itu.

Penzahiran kepentingan berhubung dengan anggota Tribunal Rayuan

61. (1) Pengerusi Tribunal Rayuan dan anggota Tribunal Rayuan hendaklah menzahirkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, kepada Menteri dan mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain mengenai apa-apa kepentingan, sama ada substansial atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan kewajipannya sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan atau sebagai anggota Tribunal Rayuan dalam sesuatu perkara tertentu yang dirujukkan kepada Tribunal Rayuan.

(2) Jika Menteri atau Pengerusi Tribunal Rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpendapat bahawa kepentingan Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan itu bercanggah dengan kewajipan mereka sebagai anggota Tribunal Rayuan, Menteri atau Pengerusi Tribunal Rayuan, hendaklah memaklumkan semua pihak kepada perkara itu mengenai percanggahan itu.

(3) Jika tiada pihak kepada perkara itu membantah terhadap percanggahan itu, Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan itu bolehlah terus melaksanakan kewajipannya sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan berhubung dengan perkara itu.

(4) Jika pihak kepada perkara itu membantah terhadap percanggahan itu, Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh meneruskan pelaksanaan tugasnya sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan berhubung dengan perkara itu dan Menteri hendaklah melantik anggota lain yang tidak mempunyai percanggahan dengan perkara itu sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan bagi perkara tertentu itu.

- (5) Jika Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan yang lain tidak menzahirkan kepentingannya di bawah subseksyen (1)—
- (a) keputusan Tribunal Rayuan itu adalah tidak sah, melainkan jika semua pihak bersetuju untuk terikat dengan keputusan itu; dan
 - (b) pelantikannya sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan atau anggota Tribunal Rayuan bolehlah dibatalkan di bawah seksyen 59.

Setiausaha kepada Tribunal Rayuan dan pegawai lain

62. (1) Seorang Setiausaha Tribunal Rayuan dan apa-apa bilangan pegawai yang diperlukan untuk menjalankan fungsi Tribunal Rayuan hendaklah dilantik.

(2) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha dan pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal Rayuan.

Rayuan kepada Tribunal Rayuan

63. (1) Seseorang yang terkilan dengan sesuatu keputusan atau arahan Perbadanan boleh, tertakluk kepada pembayaran apa-apa fi dan pematuhan apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan, merayu kepada Tribunal Rayuan dengan memfailkan suatu notis rayuan dengan Tribunal Rayuan.

(2) Suatu notis rayuan hendaklah dibuat kepada Tribunal Rayuan secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan atau arahan Perbadanan itu dan perayu hendaklah memberikan suatu salinan notis rayuan itu kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

(3) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan secara ringkas kandungan keputusan atau arahan Perbadanan yang terhadapnya ia dirayukan, mengandungi alamat yang apa-apa notis atau dokumen yang berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu atau peguam belanya dan hendaklah ditandatangani oleh perayu atau peguam belanya.

Rekod keputusan atau arahan Perbadanan

64. (1) Orang yang terkilan yang disebut dalam subseksyen 63(1) boleh meminta secara bertulis kepada Perbadanan untuk mendapatkan suatu pernyataan mengenai alasan bagi keputusan atau arahan Perbadanan yang dirayukan itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Perbadanan hendaklah, apabila menerima permintaan bertulis di bawah subseksyen (1), memberikan pernyataan mengenai alasan bagi keputusan atau arahannya itu kepada orang yang terkilan itu apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(3) Apabila suatu notis rayuan telah difaiklan dengan Tribunal Rayuan di bawah subseksyen 63(1), Perbadanan hendaklah, jika ia belum lagi menulis alasannya bagi keputusan atau arahannya mengenai perkara yang dinyatakan dalam notis itu sebagaimana yang diminta oleh perayu di bawah subseksyen (1), merekodkan secara bertulis alasannya bagi keputusan atau arahannya dan alasan bertulis itu hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod prosiding di hadapan Tribunal Rayuan.

Komposisi Tribunal Rayuan

65. (1) Tiap-tiap prosiding Tribunal Rayuan hendaklah didengar dan diselesaikan oleh tiga anggota atau apa-apa bilangan ganjil anggota Tribunal Rayuan yang lebih besar sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Tribunal Rayuan dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Dalam ketiadaan Pengerusi Tribunal Rayuan, anggota Tribunal Rayuan yang paling kanan hendaklah menjadi Pengerusi.

Persidangan Tribunal Rayuan

66. (1) Tribunal Rayuan hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi Tribunal Rayuan dari semasa ke semasa.

(2) Pengerusi Tribunal Rayuan boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Tribunal Rayuan dan boleh menukar tempat persidangan.

(3) Apa-apa perubahan kepada tarikh atau tempat persidangan Tribunal Rayuan hendaklah dimaklumkan kepada pihak-pihak kepada rayuan itu melalui notis bertulis.

Penggantungan keputusan atau arahan sementara menanti rayuan

67. (1) Sementara menunggu keputusan rayuan oleh Tribunal Rayuan, suatu keputusan atau arahan Perbadanan adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan, kecuali suatu penggantungan keputusan atau arahan Perbadanan telah dimohon oleh perayu dan dibenarkan oleh Tribunal Rayuan.

(2) Suatu permohonan untuk penggantungan hendaklah secara bertulis dan hendaklah dibuat kepada Tribunal Rayuan pada atau selepas notis rayuan difailkan dengan Tribunal Rayuan.

BAHAGIAN X

AM

Daftar

68. (1) Perbadanan hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai segala perkara yang dikehendaki untuk didaftarkan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Seseorang boleh, selepas membayar apa-apa fi yang dinyatakan oleh Perbadanan—

(a) memeriksa daftar itu; dan

(b) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, daftar itu.

Sekatan ke atas penggunaan simbol atau lambang Perbadanan

69. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan apa-apa simbol atau lambang yang dipilih atau dicipta oleh Perbadanan dan selepas itu untuk mempamerkan atau menunjukkan simbol atau lambang itu berkaitan dengan aktiviti atau hal ehwalnya.

(2) Simbol atau lambang yang dipilih atau dicipta oleh Perbadanan hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Mana-mana orang yang menggunakan suatu simbol atau lambang Perbadanan atau apa-apa yang menyerupainya, atau mencipta apa-apa simbol atau lambang yang merujuk kepada Perbadanan sehingga memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, atau berkemungkinan memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan bagi pengubahaian tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Perbadanan

70. (1) Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu akan menyebabkan pengubahaian tanpa kuasa apa-apa data, maklumat atau statistik, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya, dalam milikan, jagaan atau kawalan Perbadanan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit.

(2) Seseorang yang, dengan niat untuk mengakibatkan kecederaan seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574], melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu akan menyebabkan pengubahaian tanpa kuasa apa-apa data, maklumat atau statistik, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya, dalam milikan, jagaan atau kawalan Perbadanan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) adalah tidak material bahawa perbuatan yang berkenaan itu tidak ditujukan kepada—

(i) apa-apa data, maklumat atau statistik yang tertentu;

(ii) apa-apa jenis data, maklumat atau statistik; atau

(iii) apa-apa data, maklumat atau statistik yang disimpan di mana-mana lokasi yang tertentu;

(b) adalah tidak material sama ada sesuatu pengubahaian tanpa kuasa adalah, atau diniatkan menjadi, kekal atau hanya sementara; dan

- (c) sesuatu pengubahsuaian apa-apa data, maklumat atau statistik berlaku jika—
- (i) data, maklumat atau statistik itu diubah atau dipadamkan;
 - (ii) apa-apa data, maklumat atau statistik baru dimasukkan atau ditambahkan kepada data, maklumat atau statistik itu; atau
 - (iii) apa-apa kejadian berlaku yang mengurangkan keupayaan Perbadanan untuk mendapatkan capaian kepada data, maklumat atau statistik itu, dan termasuklah apa-apa perbuatan yang menyumbang kepada berlakunya pengubahsuaian itu.

Pendakwaan

71. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tanpa keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pekhidmat awam

72. Tiap-tiap anggota Perbadanan, Majlis, Tribunal Rayuan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, atau mana-mana jawatankuasa, atau pekerja atau ejen Perbadanan, atau pegawai Tribunal Rayuan semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pekerja, ejen atau pegawai sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

73. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Menteri;
- (b) Perbadanan;
- (c) mana-mana anggota Perbadanan, Majlis, Tribunal Rayuan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, atau mana-mana jawatankuasa, atau pekerja atau ejen Perbadanan atau pegawai Tribunal Rayuan; atau

- (d) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Perbadanan,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukannya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

74. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap anggota Perbadanan, Majlis, Tribunal Rayuan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, atau suatu jawatankuasa, dan pekerja atau ejen Perbadanan atau pegawai Tribunal Rayuan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukannya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Obligasi kerahsiaan

75. (1) Kecuali bagi apa-apa maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Perbadanan—

- (a) tiada anggota Perbadanan, Majlis, Tribunal Rayuan atau Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, atau sesuatu jawatankuasa atau mana-mana pekerja atau ejen Perbadanan atau pegawai Tribunal Rayuan atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Perbadanan, Majlis, persidangan Tribunal Rayuan, mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, atau mana-mana jawatankuasa, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya dalam perjalanan tugasnya dan yang tidak disiarkan menurut mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang, melalui apa-apa cara, mempunyai capaian kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Perbadanan boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pewakilan dalam prosiding civil

76. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam mana-mana prosiding civil oleh atau terhadap Perbadanan; atau
- (b) dalam mana-mana prosiding civil yang lain yang dalamnya Perbadanan dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu boleh, bagi pihak Perbadanan, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Perbadanan.

Kuasa Menteri untuk menetapkan peraturan-peraturan

77. Menteri boleh menetapkan peraturan-peraturan bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA dan segala perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan untuk melaksanakan, atau menjalankan dengan lebih baik, peruntukan Akta ini.

Kuasa Perbadanan untuk menetapkan kaedah-kaedah

78. Perbadanan boleh menetapkan kaedah-kaedah yang berhubungan dengan perkara yang berikut:

- (a) mengawal selia pembangunan PR1MA dan kompleks PR1MA termasuklah perkara-perkara yang berhubungan dengan pemunya atau penyewa kediaman PR1MA dan orang yang diluluskan oleh Perbadanan di bawah seksyen 34;

- (b) perkara yang berhubungan dengan pemberian maklumat kepada Perbadanan dan tahap butir-butir, lat tempoh, cara dan bentuk maklumat itu hendaklah diberikan;
- (c) tatacara dan kaedah penguntukan kediaman PR1MA kepada orang yang layak menurut seksyen 33;
- (d) kriteria yang perlu dipenuhi oleh mana-mana orang yang ingin menyertai pembangunan PR1MA;
- (e) apa-apa fi yang ditetapkan di bawah Akta ini;
- (f) bentuk permohonan, pemberitahuan dan notis yang hendak dibuat di bawah Akta ini; dan
- (g) apa-apa perkara yang Akta ini membuat peruntukan nyata untuk ditetapkan oleh Perbadanan.

Penalty bagi peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah

79. (1) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen 77 boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah seksyen 78 boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar kaedah-kaedah itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan bagi penalti denda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Menteri untuk meminda Jadual

80. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Benda yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

81. Segala perbuatan dan benda yang dilakukan bagi pihak Perbadanan sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan benda yang dilakukan itu adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta ini, dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau benda itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Perbadanan.

JADUAL

[Seksyen 7]

Mesyuarat

1. (1) Perbadanan hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi Perbadanan, dengan syarat bahawa Pengerusi Perbadanan hendaklah memastikan bahawa diadakan tidak kurang daripada empat mesyuarat Perbadanan dalam setahun.

(2) Pengerusi Perbadanan hendaklah memanggil mesyuarat jika diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri atau oleh sekurang-kurangnya empat orang anggota Perbadanan.

(3) Pengerusi Perbadanan hendaklah mempengerusikan sesuatu mesyuarat Perbadanan.

(4) Pengerusi Perbadanan dan sekurang-kurangnya empat orang anggota lain Perbadanan hendaklah membentuk kuorum pada mana-mana mesyuarat Perbadanan.

(5) Tiap-tiap anggota yang hadir pada mesyuarat Perbadanan layak mendapat satu undi.

(6) Jika tentang apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Perbadanan terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi Perbadanan hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(7) Mana-mana anggota boleh meminta supaya diadakan atau untuk menyertai mana-mana mesyuarat Perbadanan melalui peranti telekomunikasi serta-merta seperti telefon, sidang video atau kaedah elektronik lain bagi komunikasi audio atau audio visual. Penyambungan bersama dengan serentak beberapa bilangan anggota melalui peranti telekomunikasi serta-merta itu yang cukup untuk membentuk suatu kuorum, walaupun pada hakikatnya anggota-anggota itu tidak hadir bersama di satu tempat pada masa mesyuarat itu bersidang, hendaklah menjadi mesyuarat Perbadanan yang diadakan dan dibentuk dengan sewajarnya, dengan syarat bahawa—

- (a) Pengerusi Perbadanan telah meluluskan pengadaan atau penyertaan dalam mesyuarat itu melalui peranti telekomunikasi serta-merta;
- (b) semua anggota telah menerima notis mengenai mesyuarat itu dan kaedah yang melaluinya mesyuarat itu akan dijalankan;
- (c) setiap anggota yang mengambil bahagian dalam mesyuarat itu melalui peranti telekomunikasi serta-merta mestilah boleh mendengar setiap anggota lain yang mengambil bahagian pada masa permulaan dan selama tempoh mesyuarat itu; dan
- (d) pada permulaan mesyuarat dan sebelum pengundian tentang apa-apa ketetapan, setiap anggota mestilah mengesahkan kehadirannya bagi maksud mesyuarat itu kepada semua anggota lain yang mengambil bahagian.

Perbadanan boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

2. (1) Perbadanan boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Perbadanan bagi maksud menasihatiinya tentang apa-apa perkara yang sedang ditimbang teliti, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Perbadanan di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Ketetapan tanpa mesyuarat

3. (1) Sesuatu ketetapan dikira telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Perbadanan jika—

- (a) semua anggota Perbadanan telah dimaklumkan tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Perbadanan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, semua anggota Perbadanan menandakan persetujuan tentang ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Perbadanan di bawah subperenggan (2).

- (2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Perbadanan—
- (a) memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan
 - (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Perbadanan hendaklah menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

Minit

4. (1) Perbadanan dan tiap-tiap jawatankuasa hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan salinan minit semua mesyuaratnya ditandatangani dan dikemukakan kepada Perbadanan secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Apa-apa minit mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(4) Tiap-tiap mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa yang berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

5. Tertakluk kepada Akta ini, Perbadanan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

6. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan Perbadanan; atau
- (b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Anggota Perbadanan menumpukan masa kepada urusan Perbadanan

7. Tiap-tiap anggota Perbadanan hendaklah menumpukan masa kepada urusan Perbadanan sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.